

25/05/1997

MB, KM sokong kenyataan Mahathir

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR: Beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri mengakui betapa pentingnya kerajaan negeri bekerjasama rapat dengan Kerajaan Pusat, terutama dalam melaksanakan projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

Menteri Besar dan Ketua Menteri berkenaan membuat perakuan itu sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung sikap sesetengah kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang tidak memberi kerjasama rapat dan berbeza pendirian dengan Kerajaan Pusat.

Dr Mahathir memberi contoh, ada kerajaan negeri menyukarkan usaha Kerajaan Pusat untuk mengambil tanah bagi pembangunan.

Dalam hubungan ini, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata sebagai kerajaan negeri BN, Pahang sentiasa memberi kerjasama dengan Kerajaan Pusat, terutama dalam kegiatan pembangunan demi kepentingan negara dan rakyat.

Beliau berkata, kerjasama itu boleh dilihat dalam pelaksanaan projek Bandar MEC (Malaysia Electric Corporation) apabila kerajaan negeri meluluskan tapaknya seluas 1,200 hektar di Gambang.

"Melalui projek itu, kerajaan negeri memperoleh hasil dalam jangka panjang, selain dapat memberi faedah kepada penduduk dan usahawan tempatan," katanya ketika ditemui di Kuantan, semalam.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, turut menyokong saranan Dr Mahathir supaya kerajaan negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Beliau yang ditemui di Hotel Sri Malaysia, Kuantan, berkata teguran itu baik dan patut dipatuhi.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kerajaan negeri sentiasa patuh dengan arahan Kerajaan Pusat supaya pengambilan tanah rakyat hanya untuk projek pembangunan dan bukan untuk dijual semula bagi mendapat keuntungan.

"Dr Mahathir sendiri mengarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya mematuhi arahan itu, tahun lalu. Setakat ini, tidak ada tanah rakyat yang diambil untuk dijual semula," katanya.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin, pula berkata tindakan kerajaan negeri dalam apa juga keadaan mesti sejajar dengan kehendak Kerajaan Pusat.

"Macam Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Penghijauan Negara, semua ini saya akan selaraskan dengan Pusat.

"Saya tak mahu apabila saya meninggalkan kerajaan ini nanti, lepas tu ada macam-macam cerita marahkan saya. Saya ingat, (bagus) kalau ikut garis panduan yang ada. Saya akan dapatkan nasihat daripada pegawai kerajaan," katanya ketika ditemui selepas pertemuan dengan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Di KUALA TERENGGANU, kerajaan negeri Terengganu pimpinan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad juga sentiasa memberi kerjasama dan tidak mengamalkan pendirian berbeza dengan Kerajaan Pusat.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Mohd Lokman Muda, berkata kerajaan negeri sentiasa menyokong pelbagai usaha Kerajaan Pusat, terutama dalam usaha mengambil balik tanah untuk melaksanakan projek pembangunan yang berfaedah untuk rakyat.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaan negeri pimpinannya juga tidak menghadapi masalah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, walaupun mempunyai perbezaan politik.

(END)